



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

**MAJLIS CABUTAN BERTUAH DAN
PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA
PROMOSI CUKAI PINTU 2019**

23 APRIL 2019 (SELASA)

2.45 PETANG

**PERKARANGAN LOBI
MENARA MPSP, BANDAR PERDA
BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud
Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pengurus, Penolong Pengurus / Wakil daripada pihak bank

Rakan-Rakan Media

Yang Diraikan Pemenang-Pemenang Cabutan Bertuah

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Cabutan Bertuah dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Bayaran Cukai Pintu 2019.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pemenang Cabutan Bertuah Sempena Promosi Bayaran Cukai Pintu 2019 atas kerjasama serta komitmen tuan / puan menjelaskan cukai pintu dalam masa yang ditetapkan. Sebagai Yang Dipertua MPSP, saya amat berbangga di atas kesedaran dan keperihatinan warga Seberang Perai menjelaskan bil cukai taksiran demi kelangsungan Seberang Perai yang lebih progresif serta kondusif.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Program Promosi Bayaran Cukai Pintu yang dilaksanakan setiap tahun telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada warga Seberang Perai.

Pada 21 Mac 2019 yang lalu, cabutan nama-nama pemenang telah dipilih yang mana 65 pemenang kategori *online* / agensi / bank / kiosk serta 10 pemenang bagi kategori kaunter telah ditentukan.

Hadiyah-hadiyah yang disediakan adalah terdiri daripada basikal, telefon pintar, tab, barang elektrik dan elektronik serta perkakasan rumah. MPSP juga menerima sumbangan daripada pihak bank yang turut sama dalam menjayakan program ini. Ucapan jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak bank yang turut hadir bersama-sama kita pada petang ini iaitu :

1. Affin Islamic Bank Berhad Juru,
2. Am Bank Group Pulau Pinang,
3. AM Bank Group Sungai Dua,

4. Am Bank Group Bagan Ajam,
5. Amlslamik Bank Berhad Padang Lallang,
6. Bank Kerjasama Rakyat (Msia) Bhd Bandar Perda,
7. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad Jawi,
8. Bank Kerjasama Rakyat (Msia) Bhd Seberang Jaya,
9. Bank Kerjasama Rakyat (Msia) Bhd Kepala Batas,
10. Bank Simpanan Nasional Bandar Perda,
11. Bank Simpanan Nasional Kepala Batas,
12. Bank Simpanan Nasional Pulau Pinang,
13. CIMB Islamic Bank Bhd Taman Selat,
14. Maybank Bhd Butterworth,
15. MBSB Bank Butterworth,
16. Public Bank Berhad Bagan Ajam,
17. Publik Bank Berhad Bukit Mertajam,
18. Kuwait Finance House Malaysia Berhad Seberang Jaya,

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Bagi promosi kali ini, hadiah kategori *online* / agensi / bank / kiosk adalah lebih banyak berbanding tahun sebelum ini. Untuk tahun 2019, sebanyak 65 hadiah disediakan bagi kategori *online* / agensi / bank /

kiosk manakala sebanyak 10 hadiah disediakan bagi kategori kaunter. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan orang awam supaya membayar cukai taksiran di saluran-saluran alternatif yang telah disediakan selain daripada datang ke kaunter MPSP untuk membuat bayaran, selaras dengan aspirasi untuk menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Untuk makluman semua, dalam tempoh promosi Cukai Pintu 2019 jumlah keseluruhan transaksi yang telah direkod adalah sebanyak 167,457 transaksi yang mana daripada jumlah tersebut sebanyak 59.14% atau 99,033 transaksi adalah merupakan transaksi pembayaran secara *online* / bank / agensi / kiosk. Jumlah ini telah menunjukkan peningkatan yang ketara sebanyak 37.85% bagi promosi 2019 berbanding promosi tahun 2018 iaitu sebanyak 71,843 transaksi. Berdasarkan statistik ini, ianya secara tidak langsung menunjukkan orang awam telah mula menggunakan saluran *online* / agensi / bank / kiosk untuk membuat bayaran cukai taksiran.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

MPSP juga berhasrat menjadi Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. Sehubungan dengan itu, MPSP ke arah mewujudkan “*cyber counter*” di mana warga Seberang Perai tidak perlu lagi menunggu giliran untuk berurusan di kaunter MPSP. Semua urusan dapat diselesaikan secara *online* dengan cepat, mudah dan pantas.

Pada Januari 2019 yang lalu, MPSP telah melancarkan **MPSP QR Bill** iaitu fungsi imbas dan bayar yang diwujudkan pada bil cukai taksiran. Melalui inisiatif pintar ini, penduduk Seberang Perai boleh membuat bayaran cukai taksiran dengan mudah melalui telefon pintar dengan hanya mengimbas QR Code yang telah disediakan di bil masing-masing. Pembayaran boleh dibuat melalui kad kredit, kad debit atau FPX (*Online Banking*). Sehingga April 2019, jumlah kutipan cukai taksiran melalui *MPSP Qr Bill* adalah sebanyak RM206,596 dengan bilangan 673 transaksi.

MPSP sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan mudah serta mesra pelanggan di samping dapat

menjimatkan masa dan kos petrol pembayar cukai kerana tidak perlu ke MPSP untuk membuat bayaran cukai taksiran.

Pada tahun 2015 hingga 2019, MPSP juga telah mula menghantar bil cukai taksiran secara emel kepada pemilik premis yang mengemaskini alamat emel dengan MPSP. Bagi tahun 2019, jumlah bil secara emel yang telah diproses adalah sebanyak 7,814 akaun. Jumlah ini dijangka meningkat kerana MPSP sentiasa mengemaskini maklumat pemilik premis melalui program-program MPSP bersama masyarakat yang dilaksanakan sepanjang tahun.

Akhir kata, terima kasih kepada warga Seberang Perai yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP ke arah Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh teknologi.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih